



**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN**

**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN AGROBANK CAWANGAN
BELURAN, SABAH**

**5 DISEMBER 2021 (AHAD)
10.00 PAGI
AGROBANK CAWANGAN BELURAN, SABAH**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

YB TUAN SAMAD JAMBRI,

Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah merangkap ADUN Labuk

YANG BERBAHAGIA DATO' HASLINA ABDUL HAMID

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian & Industri Makanan (MAFI) merangkap Ahli Lembaga Pengarah Agrobank

YANG BERUSAHA NORDIN DALING

Pegawai Daerah Beluran

YANG DIHORMATI TUAN ASP JAIS

Timbalan Ketua Polis Daerah Beluran

YANG DIKASIHI PUAN KAMARIAH HJ ISMAIL

Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Beluran

YANG BERUSAHA TUAN SUNDRALINGAM NAGAIAH

Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Sabah

Rakan-Rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan dihormati sekalian

Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia dan Salam Sabah Maju Jaya

1. Pertamanya, saya merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)** khususnya Pengurusan Tertinggi Agrobank dan urusetia majlis yang bertungkus lumus menjayakan majlis ini.
2. Sudah tentu, perasmian Agrobank Cawangan Beluran ini adalah sesuatu yang ditunggu-tunggu oleh kami, penduduk di Beluran.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

3. Saya amat memahami permasalahan yang dihadapi penduduk, lebih-lebih lagi di Parlimen Beluran ini yang **terpaksa ke bandar Sandakan untuk mendapatkan perkhidmatan perbankan** khususnya bagi tujuan pembiayaan, di mana jaraknya mencecah sejauh 82 kilometer. Keadaan ini ternyata menyukarkan penduduk dan masyarakat di sini.
4. Saya yakin, **pembukaan Agrobank cawangan Beluran ini adalah sesuatu yang amat dinanti-nantikan.** Menerusi cawangan Agrobank di sini, **diharapkan agar kegiatan ekonomi penduduk juga dapat dipertingkatkan terutamanya melalui kemudahan pembiayaan yang holistik dan mampan.**
5. Besar harapan saya agar dengan potensi ekonomi yang besar di Beluran, Agrobank dapat menjadi sebahagian daripada komuniti di Beluran dan **bersama-sama**

membantu penduduk di sini meningkatkan kemajuan sektor ekonomi khususnya sektor pertanian.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

6. Jika diimbaz kembali, **Agrobank merupakan peneraju dalam pembiayaan pertanian dan perbankan berasaskan nilai di Malaysia.** Agrobank yang **ditubuhkan pada 1969** telah secara aktif mencatatkan pertumbuhan dan pembangunan industri pertanian di Malaysia. Agrobank menawarkan produk dan solusi kewangan yang patuh syariah merentasi pelbagai segmen pelanggan termasuk pelanggan korporat, komersial, konsumen, pembiayaan perdagangan dan pembiayaan mikro.
7. Agrobank juga antara lainnya menyediakan solusi pembiayaan yang menyeluruh untuk komuniti pertanian, **merangkumi aktiviti hulu (upstream) seperti bekalan input pengeluaran pertanian dan aktiviti hiliran (downstream) seperti pemprosesan, pemasaran dan jualan produk pertanian kepada pengguna.**
8. Jadi, kita bertuah **Agrobank** hari ini telah meluaskan rangkaian cawangannya di Sabah dengan pembukaan cawangannya yang **ke-139 di Beluran.**
9. Untuk rekod, **dari 1 Januari 2021 hingga 31 Oktober 2021, sejumlah 191 juta ringgit kelulusan pembiayaan Agrobank telah dicatatkan di Sabah.** Daripada jumlah itu, **2.8 juta ringgit pembiayaan** terkumpul telah dicatatkan di Kawasan Beluran yang telah memanfaatkan seramai **90 orang penerima,**
10. Sebelum ini pada tahun 2018, **Agrobank telah mengambil langkah proaktif dengan melancarkan Mesin Teler Automatik (ATM) dan Mesin Deposit Tunai (CDM) di Pekan Baru Botition** berhampiran Beluran sebagai salah satu usaha untuk memberikan perkhidmatan perbankan kepada masyarakat di kawasan luar bandar.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

11. Ingin saya kongsi di sini bahawa **MAFI antara lainnya ada menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan insentif kepada orang ramai yang berminat untuk menjadi usahawan agro dan memajukan perniagaan berasaskan pertanian dan industri makanan.** Ini merupakan antara usaha kami di MAFI bagi meningkatkan tahap sara diri atau SSL sekali gus meningkatkan kestabilan jaminan sekuriti bekalan makanan negara.
12. **Ini selaras dengan aspirasi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 atau DAN 2.0** yang digubal antara lainnya untuk terus memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat selain mengutamakan sekuriti serta nutrisi makanan negara.
13. Dalam hal ini, Kerajaan melalui **Agrobank akan terus membantu dalam pembangunan sektor mikro yang menawarkan pembiayaan mikro sehingga 75**

ribu ringgit tanpa kadar keuntungan bagi tempoh enam bulan pertama beserta kemudahan moratorium sehingga enam bulan pada tahun 2022 .

14. Ini menunjukkan kerajaan sentiasa komited untuk membantu usahawan mikro di luar sana. Namun, **usaha ini perlu dilaksanakan bersama-sama dengan semua pihak termasuk penglibatan pihak swasta**. Oleh yang demikian, saya menyeru usahawan tani khususnya penduduk di Beluran supaya terus meneroka dan merebut peluang yang tersedia untuk sama-sama memajukan sektor pertanian negara.
15. Menjadi harapan saya supaya **kerjasama strategik bersama Agrobank** ini terus diperkukuh pada masa akan datang. Saya juga mengalu-alukan sebarang bentuk kolaborasi dari badan kerajaan mahupun pihak swasta untuk menjadi pemangkin dalam meningkatkan sumber ekonomi di bumi Sabah, khususnya di Beluran.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

16. Pada hari ini, saya juga akan menyampaikan **sumbangan MAFI PRIHATIN berupa bakul makanan kepada 200 orang penerima** dengan jumlah keseluruhan sumbangan bernilai **20 ribu ringgit**.
17. Majlis hari ini juga turut diserikan dengan **penyerahan Kad Pintar Keluarga Peladang atau PELADANG-i kepada ahli-ahli Peladang**. Kemudahan Kad pintar **PELADANG-i** ini adalah berkonsepkan perbankan dengan menggabungkan ciri-ciri tiga dalam satu menerusi kad Co-Brand Agrobank.
18. **PELADANG-i** mampu menjadi kad identiti keahlian **Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)** dengan fungsi transaksi pembayaran tanpa tunai serta dilengkapi dengan perlindungan Takaful Kasih Plus sehingga 5 ribu ringgit hanya dengan bayaran caruman 5 ringgit setahun.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

19. Saya berharap, dengan **perasmian Agrobank Cawangan Beluran pada hari ini**, penduduk di sini dapat memaksimumkan peluang dan memanfaatkan perkhidmatan yang disediakan sekaligus mampu meningkatkan taraf sosioekonomi di sepanjang rangkaian nilainya.
20. Saya mengucapkan **setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada Agrobank di atas usaha berterusan dalam terus membantu komuniti luar bandar** menerusi pembukaan cawangan seumpama ini.
21. Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis ini. Dengan kata-kata itu, **saya dengan sukacitanya Merasmikan Pembukaan Baharu Agrobank Cawangan Beluran**.

Sekian, terima kasih.